

Bantu martabatkan Muzium Sabah

► UMS disaran jalankan penyelidikan

UB 30.7.2015 15

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Melihat kerjasama erat yang selama ini terjalin antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Muzium Sabah, ahli akademik dan penyelidik UMS disaran agar terlibat dalam penerbitan Jurnal dan Monograf Muzium berasaskan penyelidikan dalam pelbagai bahasa.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Seri Panglima Masidi Manjun berkata, penerbitan jurnal dalam pelbagai bahasa itu akan membolehkan hasil kajian penyelidik itu dipaparkan kepada dunia luar.

Seiring dengan itu katanya, UMS diharap dapat mempertimbangkan untuk menyediakan program ijazah

lanjutan dalam bidang pengajian dan pemuliharaan permuziuman.

Apabila ijazah itu diwujudkan kelak, ia memberi peluang kepada bekas kurator muzium dan pengarah muzium yang berpengalaman menjadi juruperunding bagi membantu UMS dalam membangunkan bidang itu.

“Dengan adanya kepakaran dan ijazah sedemikian diwujudkan di UMS, ia dilihat akan membantu melatih lebih ramai kakitangan muzium dalam menambah pengetahuan mengenai bidang berkenaan secara formal,” katanya pada Majlis Makan Malam Jubli Emas Seminar dan Bengkel bertajuk Muzium Warisan Sabah-dahulu, kini dan masa hadapan,” katanya.

Teks ucapannya disampaikan oleh Pembantu Menteri Pelancongan,

Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Kamarlin Ombi.

Masidi berkata, memandangkan mahasiswa dan mahasiswi UMS menjalankan latihan praktikum di Muzium Sabah, ia memberi platform kepada universiti awam itu untuk bekerjasama erat dengan Muzium Sabah.

“Malah UMS juga menjalankan beberapa kajian dengan kerjasama Muzium Sabah. Saya perhatikan bahawa Pemegang Kursi Kadazandusun Prof Dr Jacqueline Pugh Kitingan menjalankan beberapa penyelidikan dengan Muzium Sabah.

“Sesungguhnya, kerjasama Seminar dan Bengkel di antara Muzium Sabah dan UMS melalui Unit Penyelidikan Warisan Borneo dan Kursi Kadazandusun ini adalah



KAMARUDIN (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Kamarlin (kiri), sambil diperhatikan oleh Joanna (kanan) semasa Majlis Makan Malam Jubli Emas Seminar dan Bengkel bertajuk ‘Muzium Warisan Sabah-dahulu, kini dan masa hadapan’ di Muzium Sabah.

satu contoh yang paling baik,” katanya.

Menyentuh mengenai peranan muzium, Masidi berkata seiring dengan sambutan ulangtahun ke-50, Muzium Sabah berperanan sebagai penjaga warisan negeri Sabah sambil mengimbu masa lalu dan mengambilkira masa kini serta memikirkan halatuju masa depan.

Mengimbu penubuhan Muzium Sabah pada 50 tahun lalu, beliau berkata muzium dahulunya terletak di rumah kedai dan hanya mampu memuatkan ruang pameran yang kecil tetapi kini, ia ditempatkan di sebuah kawasan yang sangat luas hingga mampu menempatkan Kampung Warisan dan Taman Etbobotani.

Sejarah penubuhan muzium bermula pada tahun 1947, di mana George C. Woolley iaitu perintis

kepada idea penubuhan Muzium Sabah sebelum meninggal dunia beliau telah mewakafkan kesemua koleksinya kepada Pertubuhan Sabah dan koleksi inilah menjadi asas kepada penubuhan Muzium Sabah ketika itu.

Sepertimana yang kita ketahui, Muzium Sabah pada mulanya terletak di rumah kedai Jalan Gaya Jesselton iaitu pada tahun 1965 dan kemudian telah berpindah ke bangunan Nosmal Court pada tahun 1969 dan seterusnya pada tahun 1984 telah berpindah ke Kompleks Muzium Sabah di sini.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, Muzium Sabah memberi kerjasama yang baik kepada universiti itu. Ia terbukti apabila ramai mahasiswa dan mahasiswi UMS dibenarkan menjalani latihan praktikum di

Muzium Sabah.

Malah, ramai ahli akademik dan penyelidik UMS menjadi juruperunding kepada Muzium Sabah dalam aspek hak pemilikan koleksi warisan Sabah.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang disampaikan oleh wakilnya Prof Dr Kamarudin Datu Mudin.

Malah Kursi Kadazandusun UMS juga berperanan menjalankan projek penyelidikan di Muzium Sabah.

Harun berharap agar peserta Jubli Emas Seminar dan Bengkel bertajuk ‘Muzium Warisan Sabah-dahulu, kini dan masa hadapan’ akan mendapat manfaat daripada bengkel yang berlangsung selama tiga hari itu (29-30 Julai).

Turut hadir dalam majlis itu adalah Pengarah Jabatan Muzium Sabah Joanna Kitingan.